

UMP jalin kerjasama bioteknologi dengan LKPP

Mingguan M'Sia (Dlm Negeri) 12/7/09 M/S 30

RUANTAN 11 Julai - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalin kerjasama dengan LKPP Corporation Sdn. Bhd. (LKPP Corporation) dalam bidang bioteknologi.

Kerjasama membabitkan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli UMP itu merangkumi pembangunan projek perintis untuk penghasilan selulosa mikro habluran dan penyelidikan produk pertanian serta tenusu.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, penemuan dan inovasi yang terhasil dalam usahasama itu berpotensi untuk dipaten dan dikomersialkan.

Menurut beliau, kerjasama tersebut adalah relevan kerana UMP mempunyai kepakaran dalam bidang bioteknologi.

"Dengan kepakaran dan sumber yang dimiliki kedua-dua pihak, saya yakin jalinan kerjasama yang kukuh dapat dijalankan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UMP dan LKPP Corporation di sini, semalam.

UMP diwakili Daing Nasir sendiri manakala LKPP Corporation diwakili Pengarah Urusannya, Datuk Md. Adnan Sulaiman.

Menurutnya, selain bidang penyelidikan, peluang seperti peningkatan teknologi, pembangunan modal insan, perkongsian pengetahuan serta pengkomersialan produk dapat dilaksanakan.

"Sebagai sebuah institusi penga-

jian tinggi awam (IPTA) yang beroperasi di Pahang, UMP sentiasa bersedia membantu kerajaan negeri dan agensi-agensi di bawahnya termasuk LKPP Corporation Sdn. Bhd.

"UMP mempunyai kepakaran inovasi, teknologi dan penyelidikan yang boleh dimanfaatkan LKPP bagi meningkatkan mutu pengeluaran dan mempelbagaikan hasil keluaran," ujarnya.

Dalam masa sama jelasnya, LKPP Corporation boleh membuka ruang bagi penyelidikan dan pelajar UMP menjalankan penyelidikan di kawasan perusahaan berasaskan kelapa sawit dan perladangan milik syarikat itu.

Tambah beliau, kerjasama dengan LKPP antara lain melibatkan perkongsian sumber sedia ada untuk

aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan serta pembangunan staf dan pelajar.

Menurutnya, ia juga melibatkan aktiviti pertukaran dan penempatan pelajar untuk latihan amali atau penyelidikan, kerjasama dalam pembangunan program atau kursus akademik serta perkongsian tenaga pakar.

"Jalinan kerjasama ini juga cukup bermakna kerana LKPP Corporation merupakan sebuah agensi perusahaan pertanian yang bersifat dinamik dan progresif serta moden berlandaskan kepada kegiatan-kegiatan produktif dan berdaya maju dalam memajukan sektor pertanian serta bidang-bidang ekonomi lain," katanya.



DAING NASIR IBRAHIM